

Publication	Utusan Malaysia	Section/Page No.	Bisnes/Pg.26
Date	Friday, 22nd October 2010	Lead Article	Yes
Headline	Masa Untuk Lakukan Perubahan		

Perlindungan wajar dikurangkan secara berperingkat-peringkat

Masa untuk lakukan perubahan

KUALA LUMPUR 21 Okt. – Dasar melindungi industri automotif tempatan wajar dikurangkan secara berperingkat-peringkat bagi mentransformasikan ekonomi negara, dan usaha ini memerlukan semangat politik, kata seorang ahli ekonomi.

Professor Datuk Dr. Mohamed Arif berkata pengurangan secara berperingkat-peringkat itu akan meningkatkan pertumbuhan dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan berikutan permintaan yang meningkat dalam industri, pada masa akan datang.

Masanya sudah tiba untuk melakukan perubahan dan Malaysia perlu membenarkan pengeluaran automotif asing datang dan mem-

buka kilang di sini, katanya dan sambil menambah, negara perlu mencari jalan untuk menyetengahkan industri automotif dan menarik lebih ramai rakan usaha sama.

“Sebelum ini, ketika pengeluar automotif asing mahu datang (membuka kilang) di Malaysia, mereka tidak boleh berbuat demikian dan beralih ke Thailand.

“Sebagai pasaran kereta penumpang terbesar ketika itu, Malaysia merupakan tempat yang sesuai. Kita sepatutnya menyertai



MOHAMED ARIF

dalam pengeluaran komponen dan alat ganti berbanding unit siap dan membenarkan syarikat multinasional membuka kilang di sini.

“Dengan ketidakstabilan politik di Thailand dan beberapa syarikat mahu keluar dari China, selain semua pelan transformasi

ekonomi berjalan, sekarang merupakan masa yang tepat untuk membuat perubahan,” kata Mohamed Arif, Fellow Kehormat Institut Kajian Ekonomi Malaysia.

Dalam temu bual dengan Bernama di sini, beliau berkata, langkah itu akan mempunyai kesan limpahan ke atas pertumbuhan ekonomi.

“Kini terlalu banyak tumpuan terhadap industri elektronik. Kita perlu membuat pelbagaian,” katanya.

Berikutan perubahan persekitaran luaran, ada pesaing yang semakin berkembang di rantau ini dengan tawaran yang lebih besar, dan oleh itu, langkah tepat penting pada masa yang tepat untuk merangsang industri automotif.

Minggu lepas, Pengarah Institut Kajian Antarabangsa Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia, Tham Siew Yean, memberitahu bengkel mengenai ‘dasar Perdaga-

ngan dan Perusahaan di Asia Tenggara’ bahawa tanpa perubahan dalam liberalisasi, penurunan dalam sektor pengeluaran tidak dapat dibendung.

Beliau berkata, industri automotif masih tiada saingan selepas lebih dua dekad dilindungi.

Kereta nasional belum berdepan dengan tekanan saingan hasil daripada “jaminan pasaran domestik”, termasuk pemerolehan kerajaan, untuk perlindungan berterusan.

“Memandangkan semakin tinggi tekanan ke atas liberalisasi pelaburan langsung asing dan perdagangan, adalah penting dasar domestik yang menjadi pelengkap disediakan untuk meraih hasil liberalisasi,” katanya. - BERNAMA